



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY**

Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri,  
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,  
50480 Kuala Lumpur,  
MALAYSIA

Tel : 603 8000 8000  
Faks (Fax) : 603 6206 4693  
Laman Web (Web) : www.miti.gov.my  
E-mel (E-mail) : webmiti@miti.gov.my

No. Rujukan : MITI.700-16/12/1.Jld 2 (3)

Tarikh : 25 Februari 2022

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A**

Tuan/Puan,

**MAKLUMAN MENGENAI PINDAAN KE ATAS *OPERATIONAL CERTIFICATION PROCEDURE* (OCP) DI BAWAH PERJANJIAN PERDAGANGAN BARANGAN ASEAN (*ASEAN TRADE IN GOODS AGREEMENT - ATIGA*)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada pindaan ke atas *Operational Certification Procedure* (OCP) ATIGA yang dijangka akan berkuatkuasa pada 1 Mei 2022.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat ke-35 *ASEAN Free Trade Area (AFTA) Council (35th AFTA Council Meeting)* yang diadakan pada 8 September 2021 telah **mengesahkan semua pindaan** terhadap *Annex 7 – CO Form and its Overleaf Notes* dan *Annex 8 – Operational Certification Procedure* (OCP) di bawah ATIGA. Pindaan terhadap lampiran-lampiran tersebut dilaksanakan setelah mengambil kira perkembangan terkini dalam urusan perdagangan serantau serta bertujuan bagi **memudah cara aktiviti perdagangan** barangan di kalangan Negara Anggota ASEAN.

3. Pindaan-pindaan yang telah dibuat terhadap OCP adalah seperti berikut:

- i. pindaan pada **peraturan 7(2)**: perkataan "**carbon**" telah **dipadamkan** daripada teks asal OCP ATIGA;
- ii. pindaan pada **peraturan 10(2)**: perubahan pada kiraan hari bagi **menandakan** kotak *Issued Retroactively* (IR) di kotak 13 Borang

...2/-

D, iaitu daripada tiga (3) hari setelah tarikh pengeksportan **kepada sehari (1) setelah tarikh pengeksportan**; dan

- iii. pindaan pada **peraturan 11 (1) dan 11 (2)**: mengasingkan klausa berkaitan **pengeluaran Borang D dan *origin declaration* bagi Certified Exporter (CE) secara *Back to back*** berdasarkan kepada **satu (1) atau pelbagai *Proof of Origin* (s)**.

**Perincian kesemua pindaan** pada *Annex 7* dan *Annex 8* seperti di **Lampiran 1**.

4. Sehubungan itu, pihak MITI ingin memaklumkan selaras dengan pindaan peraturan 7(2), pengeksport **tidak lagi perlu mencetak Sijil Tempasal** yang diluluskan di bawah skim ATIGA **di atas *3-ply pre-printed form* yang dibeli daripada FMM**. Pihak pengeksport **boleh terus mencetak Sijil Tempasal** tersebut di atas **kertas putih bersaiz A4 standard ISO** bermula pada tarikh kuat kuasa OCP ATIGA baharu iaitu pada **1 Mei 2022**. Walau bagaimanapun, memandangkan Malaysia telah menguatkuasakan pengeluaran Borang D secara elektronik pada 18 Mac 2020, keperluan mencetak Borang D secara manual ini adalah bagi pengeksportan ke Myanmar (kecuali pelabuhan Yangon dan Thilawa) dan sekiranya terdapat masalah teknikal dengan sistem pertukaran elektronik Borang D (e-Form D) di bawah ASEAN Single Window yang tidak dapat diselesaikan segera.

5. MITI juga ingin memaklumkan dan memohon kerjasama daripada **pihak Dewan/Persatuan Perniagaan** mengenai perkara berikut:

- i. **Borang D sedia ada masih boleh lagi digunakan dan diterima oleh negara-negara anggota ASEAN sehingga 31 Oktober 2022 iaitu 6 bulan daripada tarikh kuatkuasa pindaan terbaharu** dan ini juga bagi membolehkan pihak FMM **menghabiskan stok Borang D** sedia ada; dan
- ii. memaklumkan mengenai pindaan-pindaan di perenggan 3 kepada pihak industri.

6. Semoga dengan kemudahan ini dapat meningkatkan lagi fasilitasi perdagangan kepada pengeksport dan industri. Segala perhatian dan kerjasama


MITI.700-16/12/1 Jld.2 (3)

pihak Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Dikemukakan untuk makluman dan tindakan lanjut sewajarnya.  
Sekian.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SYAHRIL SYAZLI GHAZALI)**

Pengarah

Seksyen Kerjasama Perdagangan dan Industri

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri